

Persepsi Penghuni Warga Emas Terhadap Kepuasan Fasilitas Awam Perumahan Kos Rendah Bertingkat Tinggi di Pulau Pinang *Senior Residents' Perceptions of Satisfaction With Public Facilities in Low-Cost High-Rise Housing in Penang*

Wan Nur Rukiah Mohd Arshard^{1*}, Puteri Yuliana Samsudin¹ & Iznny Ismail¹

¹Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA Cawangan Seri Iskandar, Perak Malaysia.

*wnrukiah@uitm.edu.my

Received Date: 1 February 2022

Accepted Date: 9 May 2022

Published Date: 3 June 2022

ABSTRAK

Perancangan perumahan amat penting untuk mencapai tahap kepuasan penghuni perumahan yang tinggal dalam persekitaran yang sejahtera dan kualiti hidup yang baik terutamanya bagi golongan warga emas mengikut keupayaan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan keadaan dan tahap kepuasan kemudahan awam di perumahan bertingkat tinggi kos rendah Taman Ampang Jajar (TAJ) yang disediakan oleh pemaju bagi pemindahan penduduk perumahan Kampung Mak Mandin di Seberang Perai Utara (SPU) Pulau Pinang. Seramai 115 orang isi rumah bagi satu blok perumahan bertingkat tinggi kos rendah mewakili daerah SPU yang telah disoal selidik dalam kajian ini. Dapatan daripada statistik deskriptif dan pemerhatian daripada kajian kes digunakan bagi menjawab objektif perbincangan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan kemudahan awam yang disediakan oleh pihak pemaju untuk penghuni perumahan bertingkat tinggi kos rendah TAJ, sama ada memenuhi keperluan asas untuk warga emas yang tinggal di perumahan tersebut serta melakukan pemerhatian di tapak kajian kes berkaitan dengan kesejahteraan warga emas di perumahan bertingkat tinggi kos rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa fasiliti awam yang disediakan bagi dewan masyarakat mencapai tahap kepuasan yang rendah manakala kepuasan terhadap gangguan bekalan elektrik dan air, bilangan tempat letak kereta dan motosikal berada pada tahap sederhana. Pemerhatian terhadap aktiviti sosial warga emas di perumahan TAJ yang dilakukan di tapak kajian kes menunjukkan bahawa mereka akan berkumpul pada waktu pagi dan petang. Diperhatikan bahawa tempat berkumpul mereka dihalang oleh motosikal yang parkir di koridor. Kajian ini dapat menyumbang kepada perancangan perumahan yang bersesuaian dengan kesejahteraan warga emas mengikut keupayaan dalam menguruskan aktiviti harian mereka dengan mendapat fasiliti awam yang baik.

Kata kunci: kepuasan perumahan; perumahan bertingkat tinggi kos rendah; warga emas; fasiliti awam

ABSTRACT

Housing planning is essential in ensuring the satisfaction of occupants living in a thriving environment and enjoying a good quality of life, especially for the disabled elderly. Accordingly, this study aimed to determine the condition of high-rise low-cost housing facilities at Taman Ampang Jajar provided by the developer to relocate Kampung Mak Mandin residents in Seberang Perai Utara (SPU) Penang and the level of satisfaction with the facilities. A total of 115 household members in a high-rise low-cost housing block representing the Seberang Perai Utara (SPU) district were surveyed in this study. Findings from descriptive statistics and observations from case studies were used to fulfil the research objectives. The main objective of this study is to determine the level of satisfaction with the public facilities provided by the developer for residents of TAJ high-rise low-cost housing regarding whether they fulfilled the basic needs of senior citizens living there. This study also conducted observations at the case study site pertaining to the well-being of the elderly living in the high-rise low-cost housing. The study's findings showed that the public facilities provided, such as the community hall, gave low satisfaction. Meanwhile, the level of satisfaction with electricity and water supply disruptions and the number of parking lots for cars and motorcycles was moderate. Observations conducted at the case study site regarding the social activities of the elderly in TAJ housing indicated that they got together in the morning and evening every day. However, their gathering place was blocked by the motorcycles parked in the corridor. This study can contribute to better housing planning that caters to the well-being of the elderly by allowing them to manage their daily activities with the provision of decent public facilities.

Keywords: housing satisfaction; high-rise low-cost housing; senior citizens; public facilities

PENDAHULUAN

Kajian ini memfokus kepada golongan warga emas. Negara tua boleh didefinisikan sebagai sebuah negara yang mempunyai 7 peratus rakyat yang berumur 65 tahun dan ke atas (M.Bakeri, 2020). Pada tahun 2018 peratusan penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke atas sudah mencapai 10 peratus. Pada tahun 2019 jangkannya adalah 10.3 peratus penduduk Malaysia adalah golongan yang berumur 65 tahun ke atas. Peratusan ini menunjukkan peningkatan yang dianggarkan sebanyak 6.7 peratus pada tahun 2019 berbanding 6.5 peratus pada tahun 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Menjelang tahun 2030, peratusan penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas dijangkakan berjumlah 15 peratus daripada keseluruhan penduduk (M.Bakeri, 2020).

Warga emas di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik juga dijangkakan meningkat. Oleh itu, perancangan dalam menghadapi isu kesihatan, ekonomi, sosial, psikospiritual, persekitaran dan isu negara tua boleh memberi implikasi kepada pelbagai isu fizikal dan non-fizikal. RMK-11 telah menyatakan bahawa penyediaan sistem sokongan bersepadu dalam pembangunan persekitaran kondusif yang memberi fokus kepada golongan wanita, warga emas dan OKU untuk memastikan kesejahteraan dan aktiviti ekonomi dalam kemasyarakatan serta dapat mencapai daya tahan keluarga harmoni (Unit Perancangan Ekonomi, 2015). Kerajaan juga berusaha untuk menyediakan rumah bagi golongan rakyat, termasuk orang kelainan upaya (OKU), warga emas dan ibu tunggal melalui program Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM) untuk disewa beli. Terdapat kajian yang menunjukkan tempat perlindungan warga emas yang tidak mempunyai anak adalah di rumah PPR (Junaidi et al., 2018). Warga emas masa kini perlu diberikan perhatian dengan menyediakan tempat tinggal dan fasiliti awam yang selesa serta kesejahteraan dalam masyarakat tempatan.

Bilangan penduduk warga emas di Malaysia semakin meningkat dan kepuasan terhadap perumahan merupakan komponen yang penting dalam mempengaruhi kepuasan hidup seseorang (Zakiyah, 2001). Reka bentuk dan harga bangunan adalah faktor yang dipertimbangkan dalam menilai kepuasan penghuni (Kwanda et al., 2001). Setiap penghuni mempunyai penilaian tersendiri dalam menilai kepuasan terhadap persekitaran tempat tinggal mereka. Persekitaran juga mempunyai hubungan dengan kepuasan individu terhadap tempat tinggal mereka dan

perkaitannya dengan aktiviti terhadap persekitaran seperti kognitif, afektif dan tingkah laku (Amérigo, M., & Aragones, 1997). Kepuasan merangkumi keadaan semasa sesuatu tempat tinggal dan persekitarannya yang mampu membuat penghuni berasa selesa dan mencapai tahap kepuasan. Tingkah laku penghuni juga mampu mengubah persepsi seseorang berkaitan kepuasan terhadap jiran yang bertimbang rasa dan membantu satu sama lain.

Terdapat beberapa kajian yang menjurus kepada tempat tinggal warga emas di rumah orang tua atau pusat jagaan warga emas di Malaysia. Namun kajian berkaitan warga emas di perumahan kos rendah kurang memberi fokus terhadap fasiliti awam untuk warga emas.

Perkhidmatan dan fasiliti khas untuk warga emas di Malaysia kurang diberi perhatian terutamanya untuk warga emas di kawasan bandar. Zakaria et al., (2010) menyatakan bahawa kajian tentang perkhidmatan penyelenggaraan bangunan yang berkualiti, selamat dan sihat untuk penghuni bangunan terutamanya keselesaan dan keselamatan warga emas penting dilakukan bagi mencapai perkhidmatan bangunan berkualiti di Malaysia. Warga emas di Malaysia terutamanya di bandar perlu diberi perhatian.. Mereka seringkali tinggal bersendirian dan tiada saudara. Mereka memerlukan fasiliti awam yang dapat membantu mereka melakukan aktiviti harian dan aktiviti lain yang sering dilakukan warga emas pada masa lapang. Berdasarkan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013, kerajaan berusaha untuk menyediakan kemudahan asas yang meliputi kawasan kurang membangun bagi meningkatkan kualiti hidup, kesihatan dan kesejahteraan warga emas di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai golongan usia yang tinggal di perumahan kos rendah. Terdapat beberapa faktor sosial yang menentukan kepuasan penghuni dalam rumah atau di kawasan perumahan yang mereka diami (Ateca-Amestoy, 2006; Forte & Russo, 2017; Hashim, 2003; Liu, 1999; Pawson & Sosenko, 2012; Rapoport, 1969; Tan & Khong, 2012). Demirkiran dan Okyay, (2013) mendapati bahawa warga emas tidak berpuas hati dengan tempat tinggal mereka hingga menyebabkan mereka menghadapi masalah kemurungan dengan persekitaran perumahan. Terdapat juga kajian yang mengkaji tahap kepuasan dengan mengukur kepuasan perumahan dan persekitaran penghuni (Ha & Weber, 1991). Ini berbeza pula dengan kajian yang dilakukan oleh Altaş & Özsoy, (1998) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa kriteria kepuasan dalam membuat penilaian ke atas kepuasan terhadap persekitaran kediaman dengan mengukur persepsi dan membuat penilaian terhadap persekitaran. Penghuni perumahan di bandar Xian, China menilai kepuasan persekitaran perumahan berdasarkan keselesaan para penghuni (Zhang, 1987). Menurut Liu, (1999), kepuasan kediaman tidak hanya terletak pada komponen penting dalam hidup individu malahan juga menentukan cara mereka memberi respon kepada persekitaran kediaman. Konteks kepuasan perumahan di Malaysia berkaitan dengan kepuasan penghuni terhadap elemen fizikal rumah, elemen persekitaran rumah dan elemen kejiranan perumahan (Zakiah et al., 2004).

Kepuasan penghuni telah diperbincangkan dalam pelbagai kajian. Sesetengah kajian lebih memberi fokus kepada keseluruhan kepuasan dengan mempertimbangkan kepuasan penghuni melalui aspek dari segi keluasan perumahan itu sendiri dan persekitaran kejiranan atau masyarakat. Kajian oleh Salleh, (2008) menunjukkan bahawa kepuasan kejiranan, fasiliti dan persekitaran kurang memuaskan bagi penduduk perumahan di Malaysia. Kajian kepuasan penghuni perumahan kos rendah menunjukkan penghuni tidak berpuas hati dengan elemen fizikal persekitaran perumahan mereka (Ismail et al., 2015). Kajian memberi fokus kepada kepuasan penghuni warga emas terhadap perumahan kos rendah bertingkat tinggi.

Merujuk Etminani-Ghasrodashti et al., (2017) yang mengkaji kepuasan perumahan pendapatan sederhana dan rendah menyimpulkan bahawa golongan ini menginginkan persekitaran kediaman mereka mempunyai ciri-ciri fizikal yang diperlukan seperti saiz unit yang selesa, bahan binaan yang sesuai dan keadaan baik aksesibiliti dan kemudahan awam diperlukan serta keperluan sosial. Persekitaran perumahan memainkan peranan penting dalam emosi penghuni perumahan terutama warga emas yang mempunyai emosi yang berbeza mengikut peringkat umur.

Kajian Temelová dan Slezáková (2014) telah mengenal pasti bahawa orang dewasa yang tinggal di perumahan bertaman mempunyai tahap kepuasan yang rendah selepas mereka

berpindah dari kawasan perumahan berkonsep kejiranan. Hal ini kerana hubungan emosi dan sosial mereka dengan tempat tinggal terdahulu telah terputus dan mereka tidak biasa dengan kawasan moden dan baharu. Mereka juga terpaksa berulang dalam jarak yang jauh untuk mendapatkan kemudahan awam. Smith, (2011) memberi pandangan tentang penyediaan akses kemudahan yang melibatkan jarak pejalan kaki, kawasan lapang awam, pelbagai kemudahan lain seperti pendidikan, komersial dan rekreasi perlu disediakan berhampiran dengan perumahan. Penyediaan kemudahan asas dalam kawasan perumahan memberikan kualiti hidup yang lebih baik pada masa hadapan terutamanya untuk golongan warga emas yang tinggal di bandar bersama dengan keluarga anak mereka.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan penghuni perumahan kos rendah bertingkat tinggi Taman Ampang Jajar (TAJ) terhadap fasiliti awam yang disediakan oleh pihak pemaju bagi memenuhi keperluan asas warga emas yang tinggal perumahan tersebut. Pemerhatian turut dijalankan di tapak kajian kes bagi meneliti kesejahteraan warga emas di perumahan kos rendah bertingkat tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian campuran. Pengumpulan data primer bagi kajian ini dilakukan melalui soal selidik yang dibangunkan dan pemerhatian semasa kajian lapangan di tapak kajian kes iaitu kawasan perumahan kos rendah bertingkat tinggi di Taman Ampang Jajar. Data soal selidik yang diperoleh disokong oleh data yang dikutip melalui pemerhatian yang dilakukan. Instrumen pengutipan data soal selidik telah dikumpulkan menerusi soal selidik yang diedarkan kepada responden di perumahan kajian kes. Populasi kajian adalah mengikut kepadatan penduduk yang tinggi bagi perumahan kos rendah bertingkat tinggi di sekitar daerah Seberang Perai Utara (SPU). Kepadatan tersebut diukur melalui jumlah unit rumah yang melebihi 200-unit rumah dan dengan ketinggian 15 tingkat ke atas yang dikira sebagai berkepadatan tinggi bagi satu perumahan bertingkat manakala jangka pembinaan ditetapkan adalah dari tahun 2009 sehingga 2012 bagi perumahan dipilih. Perumahan kos rendah bertingkat tinggi dibina oleh pihak pemaju swasta pada tahun 2009. Soal selidik yang dijalankan melibatkan seramai 115 isi rumah. Melalui kajian lapangan, data pemerhatian dikumpulkan dengan mengambil gambar di sekitar tapak kajian dan unit rumah yang dibenarkan oleh penghuni perumahan. Pengumpulan data sekunder berkaitan kepadatan penduduk, jenis perumahan, kedudukan perumahan diperoleh melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Pengukuran kepuasan

Kepuasan perumahan diukur berdasarkan 7 kriteria dalam bahagian fasiliti awam yang perlu ada di perumahan kos rendah bertingkat tinggi seperti kedai, dewan masyarakat, surau/masjid, kemudahan melakukan aktiviti kebajikan, perkhidmatan kutipan sampah, bekalan elektrik dan air serta tempat letak kereta/motosikal. Manakala bahagian kedua penggunaan ruang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu sirkulasi, fungsi ruang dan ruang efisien dalam rumah.

Penilaian skala dinilai mengikut bukti yang dikenal pasti pada masalah yang berpotensi dengan fungsi skala penilaian kepuasan perumahan. Pengukuran dilakukan dengan menggunakan skala likert 5-point skala; 1= sangat tidak berpuas hati, 2= tidak berpuas hati, 3= sederhana, 4= berpuas hati, 5 = sangat berpuas hati (Nasution & Zahrah, 2014). Penilaian kepuasan perumahan bergantung kepada keadaan tempat yang dinilai menggunakan keadaan yang baik dan kurang baik. Penggunaan tahap nilai kepuasan yang diberikan kepada responden mudah difahami bagi mereka menilai kepuasan penggunaan ruang dalaman rumah.

Tahap kepuasan terhadap fasiliti awam dikelaskan terbahagi kepada tiga kumpulan berdasarkan skor kepuasan yang diperoleh, iaitu rendah (1.00-2.33), sederhana (2.34-3.66) dan tinggi (3.67-5.00). Dalam analisis ini penggunaan skor min menjadi ukuran dalam melihat tahap min rendah, sederhana dan tinggi. Kajian ini turut menganalisis secara deskriptif dengan melihat nilai min frekuensi dan peratus responden terhadap kajian kepuasan perumahan kos rendah bertingkat tinggi yang dipilih. Sisihan piawai menunjukkan jumlah purata sesuatu nilai atau skor


individu yang tersisih daripada skor min (Piaw, 2012). Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk menggambarkan profil demografi penghuni perumahan bertingkat kos rendah. Analisis data statistik kajian ini secara keseluruhan menggunakan perisian IBM SPSS Version 24. Pendekatan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif serta tidak menggunakan perisian komputer kerana penilaian dilakukan melalui pemerhatian di tapak kajian. Data yang dikumpul akan disunting dan dikodkan dalam perisian pangkalan data sebelum dianalisis. Beberapa ujian statistik dilakukan yang melibatkan analisis deskriptif yang diatur mengikut objektif kajian. Kajian lapangan juga melibatkan penilaian data melalui gambaran yang dibuat melalui perbandingan dalam nilai kebaikan dan keburukan keadaan fasiliti awam di persekitaran perumahan kos rendah bertingkat tinggi di Taman Ampang Jajar (TAJ).

Kawasan kajian

Kajian kes ini dilakukan di daerah Seberang Perai Utara (SPU) Pulau Pinang yang dipilih daripada lima daerah di Pulau Pinang. Kawasan SPU (Rujuk Rajah 1). ini meliputi kawasan perindustrian, kawasan perumahan dan kawasan pengangkutan pelabuhan Butterworth. Tapak kajian kes terletak di daerah Seberang Perai Utara (SPU), berhampiran jalan masuk utama Jalan Permatang Pauh dan berdekatan dengan kawasan perindustrian. Tapak kajian terletak dalam tapak cadangan membina 123-unit dua setengah tingkat rumah teres dengan keluasan 20' x 60' (6.096m x 18.288m) bersamaan 17 unit kedai pejabat. Bahagian sebelah utara terdapat tanah kosong dan tiada pembangunan. Di sebelah barat pula terdapat beberapa kilang sedia ada. Di sempadan tapak kajian kes, terdapat kilang, semak-samun dan pokok yang menjadi penghalang ke kawasan perumahan. Perumahan pangsapuri kos rendah ini adalah setinggi 20 tingkat dan mempunyai 304-unit namun tidak kesemua unit dihuni. Foto Satelit dalam Rajah 2 menunjukkan kedudukan perumahan TAJ yang dikelilingi oleh kawasan perindustrian dan perumahan teres serta loji air yang berdekatan dengan perumahan kajian kes.



Rajah 1. Tapak Cadangan kawasan kajian kes Seberang Perai Utara (SPU).



Rajah 2. Foto satelit perumahan Taman Ampang Jajar (TAJ).

Latar belakang penduduk

Penduduk perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ adalah penduduk dari Kampung Mak Mandin yang dipindahkan oleh pihak kerajaan sebagai pampasan tempat tinggal. Penduduk TAJ berpindah secara berperingkat dari tahun 2009 ketika perumahan ini dibuka untuk didiami. Perumahan ini didiami oleh pelbagai kaum, bangsa dan agama yang tinggal di bawah satu bumbung. Hanya 150-unit rumah yang mempunyai penghuni di perumahan TAJ. Pemindahan perumahan ini untuk menggantikan tempat tinggal mereka di Kampung Mak Mandin yang akan dibangunkan oleh pihak Majlis tempatan. Penduduk Kampung Mak Mandin ini kebanyakannya mempunyai saudara yang menetap di kampung tersebut. Jadual 1 menunjukkan penghuni TAJ mengikut unit rumah dan bangsa; bagi bangsa Melayu sebanyak 31 unit, bangsa Cina 34 unit dan majoriti bangsa India 85 unit.

Jadual 1. Penghuni perumahan kos rendah bertingkat tinggi Taman Ampang Jajar mengikut bangsa
(Sumber: JMB TAJ).

Bangsa	Bilangan unit
Melayu	31
Cina	34
India	85
Jumlah	150

HASIL KAJIAN

Bahagian ini menjelaskan demografi penduduk dari segi jantina, status, umur, tahap pendidikan dan pekerjaan, bilangan isi rumah untuk mengenal pasti sosioekonomi isi rumah daripada data responden. Demografi adalah penting untuk mendapat gambaran situasi penduduk perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ. Dapatan demografi menunjukkan bahawa terdapat warga emas yang tinggal di perumahan kos rendah bertingkat tinggi di kawasan Mak Mandin. Selain itu, maklumat berkaitan kepuasan terhadap fasiliti awam di perumahan juga dibincangkan. Bahagian ini diakhiri dapatan pemerhatian melalui kajian lapangan berserta gambaran di tapak kajian kes yang menjelaskan tahap kepuasan perumahan terhadap fasiliti awam yang disediakan oleh pihak pemaju pada penduduk perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ.

Demografi

Jantina, status dan umur

Jadual 2 menunjukkan jantina dan status penghuni TAJ. Berdasarkan dapatan soal selidik, dapat dilihat bahawa sebanyak 52.2% responden adalah kaum lelaki dan sebanyak 47.8% adalah kaum wanita. Majoriti penghuni statusnya sudah berkahwin (74.8%), manakala kumpulan yang bujang adalah 13.0%, bagi penghuni berstatus janda/duda (12.2%), mereka adalah warga emas yang tinggal sendirian. Responden kajian perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ majoritinya warga emas berusia 61 sehingga 80 tahun iaitu sebanyak 32.2%, responden golongan belia (18.2%), manakala warga dewasa berusia 41 sehingga 50 tahun sebanyak 25.5%. Memandangkan penduduk perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ ini adalah permindahan dari penempatan Kg Mak Mandir, kebanyakan adalah warga emas yang tinggal di Kg Mak Mandir. Dapatan kajian mendapati penduduk perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ mempunyai tali persaudaraan antara satu keluarga dan keluarga yang lain. Terdapat juga pasangan warga emas dan seorang warga emas yang tinggal dalam satu unit rumah. Adapt dilihat penghuni di perumahan TAJ terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa serta saling membantu antara satu sama lain.

Jadual 2. Demografi penghuni perumahan Taman Ampang Jajar (TAJ).

Demografi	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	60	52.2
Perempuan	55	47.8
Status		
Bujang	15	13.0
Berkahwin	86	74.8
Janda/Duda	14	12.2
Umur		
21-30	12	10.4
31-40	9	7.8
41-50	29	25.2
51-60	27	23.5
61-70	27	23.5
71-80	10	8.7

Fasiliti awam

Jadual 3 menunjukkan tahap kepuasan penghuni terhadap fasiliti awam yang disediakan oleh pihak pemaju untuk penghuni perumahan. Fasiliti awam yang pertama adalah kedai yang disediakan berasingan dari bangunan kediaman dan bersebelahan dengan perumahan TAJ. Tahap kepuasan terhadap jarak rumah dengan kedai berdekatan adalah $M=3.687$, $SP= 0.667$. Responden berpendapat jarak ke kedai memudahkan warga emas. Tahap kepuasan terhadap penyediaan dewan masyarakat adalah rendah iaitu $M=2.157$, $SP= 0.733$. Penghuni tidak berpuas hati kerana keadaan dewan yang tidak dapat digunakan kerana kerosakan bumbung. Surau dan tempat ibadat lain-lain agama mencapai tahap kepuasan yang tinggi ($M=3.930$, $SP= 0.617$) dan ($M=3.878$, $SP= 0.690$). Penghuni berasakan tiada masalah untuk warga emas melakukan kegiatan ibadat di surau bersebelahan dengan bangunan kediaman. Pengutipan sampah di depo juga menyumbang tahap kepuasan yang tinggi ($M=3.609$, $SP= 0.769$). Kepuasan terhadap gangguan bekalan elektrik dan air bagi perumahan kos rendah bertingkat TAJ adalah sederhana ($M=3.122$, $SP= 0.677$). Gangguan bekalan elektrik dan air memang berlaku tetapi tidak berpanjangan kerana pihak berkuasa akan mengambil tindakan susulan dengan segera. Bilangan tempat letak motosikal juga tiada masalah tetapi tahap kepuasan agak sederhana ($M=2.478$, $SP= 0.705$) dan hampir ke tahap rendah. Begitu juga bilangan tempat letak kereta yang mencapai tahap sederhana ($M=2.478$, $SP= 0.693$) kerana penyediaannya yang mencukupi.

Jadual 3. Fasiliti Awam perumahan Taman Ampang Jajar (TAJ).

Bil.	Fasiliti Awam	Tahap	Min	Sisihan Piawai
1	Kedai	Tinggi	3.687	0.667
2	Dewan Masyarakat	Rendah	2.157	0.733
3	Surau	Tinggi	3.930	0.617
4	Ibadat lain-lain Agama	Tinggi	3.878	0.690
5	Perkhidmatan Mengutip Sampah	Tinggi	3.609	0.769
6	Gangguan bekalan air/elektrik	Sederhana	3.122	0.677
7	Bilangan tempat letak motosikal	Sederhana	2.478	0.705
8	Bilangan tempat letak Kereta	Sederhana	2.478	0.693

Aktiviti warga emas di perumahan kos rendah bertingkat tinggi

Pemerhatian juga dijalankan di tapak kajian kes perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ bagi melihat aktiviti warga emas dan penghuni setiap hari. Warga emas bangsa Cina akan berkumpul pada waktu pagi dan petang di bahagian koridor tingkat lantai bawah. Mereka akan berbual di koridor, tempat lepak atau berkumpul di kawasan tempat parkir motosikal. Ini adalah masalah utama yang dihadapi oleh penghuni warga emas dan penghuni kurang upaya. Ini menimbulkan kesukaran pada laluan dan mengganggu aktiviti warga emas (Rujuk Rajah 3). Jadual 3 menunjukkan kepuasan tahap sederhana terhadap tempat letak motosikal disebabkan tingkah laku

penghuni meletak motosikal merata-rata di koridor laluan dan di hadapan lobi lif. Terdapat kajian yang menyatakan aktiviti dan program kejiranan hubungan sosial dijalankan bagi mengeratkan hubungan penghuni dalam satu bangunan yang sama supaya mereka mempunyai rasa kekitaan (sense belonging) sesama jiran (McLaren et al., 2013).



Rajah 3. Koridor tempat berkumpul warga emas menjadi tempat letak motosikal.



Rajah 4. Kedudukan surau perumahan kos rendah bertingkat tinggi Taman Ampang Jajar (TAJ).



Rajah 5. Penyediaan tempat ibadat lain-lain agama.

Penyediaan surau bagi penghuni di perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ amat baik. Tahap kepuasan bagi terhadap penyediaan fasiliti awam untuk penghuni terutamanya beragama Islam adalah tinggi kerana jaraknya yang dekat memudahkan warga emas. Surau ini menjalankan banyak aktiviti bagi membantu warga emas termasuk pemberian zakat dan sedekah pada mereka yang memerlukan. Namun begitu, terdapat kekurangan dari segi laluan di koridor kerana perlu melalui tangki air dan tidak berbumbung boleh menyebabkan kebasahan bila hujan (Rujuk Rajah 4).

Tahap kepuasan terhadap penyediaan tempat ibadat lain-lain yang berhampiran dengan perumahan kos rendah bertingkat tinggi Taman Ampang Jajar (TAJ) (Rujuk Rajah 5), memudahkan penghuni warga emas menjalankan aktiviti ibadat dan upacara keagamaan setiap tahun seperti sambutan Thaipusam. Kajian Lee et al., (2013) mendapati kepuasan persekitaran dalaman, kemudahan, tempat rekreasi, keselamatan, dan kualiti persekitaran mempengaruhi kepuasan keseluruhan kediaman tidak kira di bandar atau di kampung. Aktiviti lain-lain seperti kenduri, majlis perkahwinan bangsa lain dan majlis kematian agama lain-lain disediakan di tingkat bawah bangunan kediaman. Bagi perumahan kos rendah bertingkat tinggi TAJ majoriti penduduk adalah bangsa India. Terdapat pelbagai aktiviti golongan muda dan golongan warga emas dijalankan bersama-sama jiran yang lain. Warga emas menghabiskan masa mereka dengan aktiviti harian bersama rakan-rakan warga emas lain dan bersama jiran tetangga yang akan singgah ke rumah mereka atau di tempat berkumpul.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan bagi perumahan kos rendah bertingkat tinggi Taman Ampang Jajar (TAJ), penghuni warga emas dapat menggunakan kemudahan awam dengan baik. Hal ini menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap penyediaan kemudahan awam seperti kedai, surau, rumah ibadat lain-lain agama dan perkhidmatan mengutip sampah. Kemudahan awam yang disediakan terletak berhampiran dengan perumahan TAJ serta memudahkan penghuni warga emas untuk menggunakan kemudahan awam dengan keadaan selesa dan selamat. Tahap kepuasan yang rendah terhadap kemudahan awam pula melibatkan kemudahan awam seperti dewan, gangguan bekalan air dan elektrik, bilangan tempat letak motosikal (TLM) dan bilangan tempat letak kereta (TLK). Penghuni warga emas menghadapi masalah dengan tempat letak kereta dimana penghuni perumahan TAJ meletakkan kenderaan tidak mengikut petak parkir. Hal ini disebabkan oleh ruang parkir kenderaan yang tidak mencukupi bagi perumahan TAJ serta menyukarkan pergerakan warga emas yang ingin keluar masuk dari bangunan. Mereka perlu melalui kenderaan di sekeliling bangunan tersebut. Kesimpulannya, keselesaan penghuni warga emas di perumahan TAJ dapat dicapai dengan adanya komuniti yang saling membantu dan dapat bekerjasama dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap kepuasan terhadap fasiliti awam di perumahan kos rendah bertingkat tinggi di Pulau Pinang, didapati bahawa tahap kepuasan terhadap fasiliti awam di perumahan kos rendah bertingkat tinggi Taman Ampang Jajar (TAJ) adalah rendah. Kajian mendapati bahawa dewan masyarakat yang disediakan tidak dapat digunakan kerana mengalami kerosakan dan kerosakan ini tidak diambil perhatian oleh Bahagian Pengurusan Bangunan. Dalam kajian (Al-Kodmany, 2018) rancangan masa hadapan untuk perumahan bertingkat tinggi perlu mengambil kira perancangan dan reka bentuk persekitaran serta harus menekankan aspek universal yang melibatkan penghuni berkeluarga, warga emas dan kanak-kanak bagi setiap bangunan. Aktiviti warga emas perlu disokong dengan fasiliti yang sedia ada bagi memudahkan warga emas menjalankan aktiviti kesejahteraan dalam masyarakat setempat. Penyediaan fasiliti awam perumahan kos rendah bertingkat tinggi perlu dikaji semula dalam memberi kepuasan warga emas yang tinggal dalam komuniti berlapisan masyarakat dan bangsa serta agama. Berlainan pula masyarakat perumahan taman rumah teres yang mempunyai kawasan lapang untuk rekreasi, berkumpul dan menjalankan aktiviti riadah sesama masyarakat.

Perumahan kos rendah bertinggi tidak mempunyai kawasan lapang yang luas dan semua fasiliti adalah terhad bergantung kepada perancangan dan reka bentuk serta kos rendah dalam pembinaan. Perancangan masa hadapan amat penting terutama bagi generasi warga emas kerana mereka memerlukan kasih sayang sesama masyarakat dan sokongan dari segi ekonomi, sosial dan fizikal serta mental.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa adanya sebarang faedah diri, konflik komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan bercanggah dengan pembiayaan.

RUJUKAN

- Al-Kodmany, K. (2018). The Sustainability of Tall Building Developments: A Conceptual Framework. *Buildings*, 8(2), 7. <https://doi.org/10.3390/buildings8010007>
- Altaş, N. E., & Özsoy, A. (1998). Spatial adaptability and flexibility as parameters of user satisfaction for quality housing. *Building and Environment*, 33(5), 315–323. [https://doi.org/10.1016/S0360-1323\(97\)00050-4](https://doi.org/10.1016/S0360-1323(97)00050-4)
- Amérigo, M., & Aragones, J. I. (1997). A theoretical and methodological approach to the study of residential satisfaction. *Journal of Environmental Psychology* (1997) 17, 47–57, 47–57.
- Ateca-Amestoy, V. (2006). *The determinants of housing satisfaction: relevance of social interactions*. 1–26. http://www.ehu.es/vickyateca/housing_submission_espe07.pdf
- Demirkiran, F., & Okyay, P. (2013). Comparison of Satisfaction Levels Regarding Living Conditions , Depression and Dependency Among Two Elderly Groups , One in Nursing Home and the Other At Home : A Community- Based , Cross-Sectional Analytic Study. *American International Journal of Sosial Science*, 2(2), 29–37.
- Etminani-Ghasrodashti, R., Majedi, H., & Paydar, M. (2017). Assessment of Residential Satisfaction in Mehr Housing Scheme: A Case Study of Sadra New Town, Iran. *Housing, Theory and Society*, 34(3), 323–342. <https://doi.org/10.1080/14036096.2017.1298536>
- Forte, F., & Russo, Y. (2017). Evaluation of User Satisfaction in Public Residential Housing-A Case Study in the Outskirts of Naples, Italy. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 245(5). <https://doi.org/10.1088/1757-899X/245/5/052063>
- Ha, M., & Weber, M. J. (1991). The Determinants of Residential Environmental Qualities and Satisfaction Effects of Financing Housing Programs and Housing Regulations. In *Housing and Soceity* (Vol. 18, Issue 3, pp. 65–76).
- Hashim, A. H. (2003). Residential satisfaction and social integration in public low cost housing in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 11(1), 1–10. <http://psasir.upm.edu.my/3428/>
- Ismail, F., Jabar, I. L., Janipha, N. A. I., & Razali, R. (2015). Measuring the Quality of Life in Low Cost Residential Environment. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 168, 270–279. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.232>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Siaran Akhbar 2016. *Jabatan Perangkaan Malaysia*, July, 7–10. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=164&bul_id=ZzNBdUIWT2I4NE4xNCt6U2VNc1Q2QT09&menu_id=Z0VTZGU1UHBUT1VJMFpaxRRR0xpdz09
- Junaidi, A. B., Mazlan, A., W.C.Yew, V., Lyndon, N., & Ali, M. N. S. (2018). Impak Sosioekonomi dan Politik Program Perumahan Rakyat Lembah Subang, Selangor. *Akademika*, 88(April), 181–192. <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/19084/8220>
- Kwanda, T., Rahardjo, J., & Wardani, M. K. (2001). ANALISIS KEPUASAN PENGHUNI PERUMAHAN SEDERHANA DI DENPASAR BERDASARKAN FAKTOR LOKASI, PRASARANA, SARANA, KUALITAS BANGUNAN, DESAIN DAN HARGA. *DIMENSI TEKNIK ARSITEKTUR*, 29(2), 117–125.
- Lee, C., You, S., & Huang, L. (2013). The influence of public facilities and environmental quality on residential satisfaction in Taiwan: Differences in neighborhood environment. *African Journal of Business Management*, 7(12), 915–925. <https://doi.org/10.5897/AJBM11.947>

- Liu, a. M. M. (1999). Residential satisfaction in housing estates: A Hong Kong perspective. *Automation in Construction*, 8, 511–524. [https://doi.org/10.1016/S0926-5805\(98\)00098-3](https://doi.org/10.1016/S0926-5805(98)00098-3)
- M.Bakeri, S. H. (2020). Malaysia 2030 : Cabaran Negera Tua. *Tsis*, 1689–1699.
- McLaren, S., Turner, J., Gomez, R., McLachlan, A. J., & Gibbs, P. M. (2013). Housing type and depressive symptoms among older adults: A test of sense of belonging as a mediating and moderating variable. *Aging and Mental Health*, 17(8), 1023–1029. <https://doi.org/10.1080/13607863.2013.805402>
- Nasution, A. D., & Zahrah, W. (2014). Community Perception on Public Open Space and Quality of Life in Medan, Indonesia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 153, 585–594. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.091>
- Pawson, H., & Sosenko, F. (2012). Tenant satisfaction assessment in social housing in England: How reliable? How meaningful? *International Journal of Consumer Studies*, 36(1), 70–79. <https://doi.org/10.1111/j.1470-6431.2011.01033.x>
- Piaw, C. Y. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan* (Cetakan Pe). Mc Graw Hill.
- Rapoport, A. (1969). House form and culture. In Philip L. Wagner (Ed.), *prentice-Hall, Inc. Englewood Cliffs, N.j.* (first, Vol. 3, Issue 4). Prentice-Hall, Inc. Englewood Cliffs, N.j. [https://doi.org/10.1016/0016-7185\(72\)90076-0](https://doi.org/10.1016/0016-7185(72)90076-0)
- Salleh. (2008). Neighbourhood factors in private low-cost housing in Malaysia. *Habitat International*, 32, 485–493. <https://doi.org/10.1016/j.habitatint.2008.01.002>
- Smith, K. M. (2011). *The Relationship between Residential Satisfaction, Sense of Community, Sense of Belonging and Sense of Place in a Western Australian Urban Planned Community*. Edith Cowan University.
- Tan, T. H., & Khong, K. W. (2012). The link between homeownership motivation and housing satisfaction. *International Journal of Economics and Management*. <https://doi.org/10.1227/01.NEU.0000349921.14519.2A>
- Temelová, J., & Slezáková, A. (2014). The changing environment and neighbourhood satisfaction in socialist high-rise panel housing estates: The time-comparative perceptions of elderly residents in Prague. *Cities*, 37, 82–91. <https://doi.org/10.1016/j.cities.2013.12.002>
- Unit Perancangan Ekonomi, J. P. M. (2015). Rancangan Malaysia Ke 11. In *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020* (p. 29).
- Zakaria, H., Arifin, K., Ahmad, S., & Aiyub, K. (2010). Pengurusan Fasilitas Dalam Penyelenggaraan Bangunan : Amalan Kualiti , Keselamatan dan Kesehatan. *Journal of Techno-Social*, 2, No.1, 23–36.
- Zakiah, J., Ibrahim, S. S. A. S., & Afifah, A. Y. (2004). *Kepuasan terhadap perumahan impak terhadap permasalahan sosial* (J. Zakiah (ed.); 1st ed.). Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Zhang, J. (1987). Housing Policy and Housing Satisfaction in the People ' s Republic of China : A Behavioural Approach Applied in the City of Xian